



Headline: Konon pegawai Bukit Aman
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 19 June 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 8

8 **setempat**

19-06-2018

Mohd Jamilul Anbia Md Denin,
Hasbi Sidek dan Nurul
Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my


Kuala Lumpur

Gemar menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman atau pegawai penyiasat Ibu Pejabat

Polis Kontinjen negeri.

Itu antara 'watak' popular dipilih sindiket penipuan Macau Scam untuk memperdaya ratusan mangsa hingga kerugian lebih RM100 juta sejak Januari tahun lalu.

Menyedari perkara itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui laman Facebook (Fb) rasminya Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police)



GAMBAR fail menunjukkan ahli sindiket Macau Scam yang dicekup pihak berkuasa.

MACAU SCAM

JUMLAH KES MACAU SCAM JAN 1.1.2017 - 31.5.2017 (231 Kes)

M/O	KES	KERUGIAN
Macau Scam/Kad Kredit	109 Kes	RM4,539,191.31
Macau Scam/Menyamar Polis	122 Kes	RM2,128,730.75
JUMLAH KERUGIAN	231 Kes	RM6,667,922.06

JUMLAH KES MACAU SCAM MEI 1.1.2017 - 31.12.2017 (483 Kes)

M/O	KES	KERUGIAN
Macau Scam/Kad Kredit	229 Kes	RM13,573,010.43
Macau Scam/Menyamar Polis	254 Kes	RM17,355,992.68
JUMLAH KERUGIAN	231 Kes	RM30,929,003.11

Jumlah kerugian Macau Scam Januari 2017 sehingga Disember 2017 (RM30,929,003.11)
Jumlah kes Macau Scam Januari 2017 sehingga Disember 2017 (483 kes)

MACAU SCAM JAN 1.1.2018 SEHINGGA 31.5.2018

M/O	KES	KERUGIAN
Macau Scam/Kad Kredit	43 Kes	RM3,300,840.15
Macau Scam/Menyamar Polis	236 Kes	RM10,372,300.33
JUMLAH KERUGIAN	279 Kes	RM13,672,384.48

Kerugian Kes Macau Scam Januari 2018 hingga Mei 2018 (RM13,672,384.48)
Jumlah kes Macau Scam Januari 2018 hingga Mei 2018 (279 kes)

SINDIKET MACAU SCAM

Konon pegawai Bukit Aman

■ Guna nombor sama dengan ibu pejabat polis, IPK negeri supaya mangsa panik

meminta orang ramai lebih berhati-hati terhadap sebarang penyamaran sindiket yang menggunakan nama agensi penguatkuasaan itu.

Menurut kenyataan itu, sindiket menggunakan taktik lebih licik apabila menggunakan nombor telefon sama dengan nombor mana-mana ibu pejabat polis.

"Orang ramai dinasihatkan supaya berwaspada terhadap kegiatan Macau Scam yang menelefon dengan menyamar sebagai pegawai po-

lis bagi menipu mangsa.

"Sindiket terbabit dikesan menggunakan nombor telefon yang serupa dengan nombor Ibu Pejabat Polis Bukit Aman atau Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri untuk memperdaya orang ramai," katanya.

Menurutnya, sindiket akan membuat panggilan menggunakan teknologi *voice over internet protocol* (VOIP) dan mengatakan mangsa terbabit dalam sindiket terancang dan kegiatan pengubahan

wang haram.

"Mangsa yang panik dan takut akan mengikut segala arahan suspek yang disangka pegawai polis termasuk memindahkan wang ke dalam akaun ditetapkan suspek.

"Sehubungan itu, orang ramai juga diingatkan supaya tidak memberikan butir-butir peribadi akaun mereka termasuk kata laluan dan nombor kad bank kepada pihak lain atas apa-apa alasan," katanya.

Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menasihatkan orang ramai berhati-hati dan tidak terpedaya sekiranya menerima panggilan telefon meragukan mendakwa daripada suruhanjanya itu.

SPRM menerusi satu kenyataan berkata, panggilan telefon berkenaan dikhuatiri panggilan palsu yang meminta beberapa maklumat peribadi termasuk butiran sulit.

"Ini susulan banyak aduan diterima SPRM daripada mangsa yang terpedaya dengan panggilan palsu berkenaan kebelakangan ini.

"Sehubungan itu, orang ramai yang menerima panggilan meragukan ini, dinasihatkan terlebih dulu mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pejabat SPRM terdekat menerusi talian dan alamat yang dipaparkan di portal rasmi www.sprm.gov.my," katanya.